

# Pesakit pertama Thailand ditemui bersembunyi di sempadan Kemboja

Berita Harian 25/7/2022 (page 47)

**Phnom Penh:** Seorang lelaki Nigeria yang melarikan diri selepas menjadi kes cacar monyet pertama Thailand ditemui di Phnom Penh kelmarin dan dibawa ke hospital, kata Kementerian Kesihatan Kemboja.

Ia berlaku pada hari yang sama pegawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Geneva mengisytiharkan wabak cacar monyet sebagai kecemasan kesihatan global.

## 142 sedang disaring

Pelancong berusia 27 tahun itu - yang tinggal lebih masa visanya di Thailand - disahkan menghidap cacar monyet di bandar peranginan Phuket Isnin lalu, kata seorang pegawai kesihatan Thailand.

Semasa berada di Phuket, lelaki itu melawat dua tempat hiburan, dan 142 orang kini sedang disaring untuk virus itu, kata pegawai kesihatan, sambil menambah bahawa lelaki itu juga melakukan hubungan seks tanpa perlindungan dengan seorang wanita.

Selepas mengetahui diagnosis, dia melarikan diri dari penginapannya di Phuket, mematikan telefonnya dan gagal membalas mesej polis atau pekerja kesihatan.

Percutiannya mencetuskan pemburuan di seluruh Thailand dan pihak berkuasa kelmarin berkata, isyarat telefonnya dikesan di wilayah ti-

mur laut bersempadan dengan Kemboja.

Selepas mencari di beberapa lokasi, polis Kemboja menemui pelarian terbabit di rumah tetamu Phnom Penh dan dia dihantar ke Hospital Persahabatan Khmer-Soviet untuk rawatan perubatan.

“Untuk mengelakkan jangkitan virus cacar monyet, Kementerian Kesihatan merayu kepada semua orang yang mempunyai hubungan langsung dengan pesakit Nigeria itu untuk mengasingkan diri dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan,” kata kementerian Kemboja dalam satu kenyataan.

## Penyakit menjadi endemik

Cacar monyet tidak menular seperti coronavirus, menurut WHO. Namun, sejak lonjakan jangkitan dilaporkan pada awal Mei di luar negara Barat dan tengah Afrika - di mana penyakit itu menjadi endemik - ia menjejaskan lebih 16,800 orang di 74 negara, menurut pengiraan yang diterbitkan minggu ini oleh Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat.

Sebanyak 95 peratus kes merebak melalui aktiviti seksual, menurut kajian terhadap 528 orang di 16 negara yang diterbitkan dalam New England Journal of Medicine - penyelidikan terbesar setakat ini.